

Ada apa dengan Zulkaedah?

Oleh **AIMAN JUMANI**

Exco Ekonomi dan Pemasaran,
Persatuan Mahasiswa Islam,
Universiti Putra Malaysia
(PMIUPM)

MENGAPA dinamakan 'Zulkaedah'? Zu ertinya 'yang empunya'. Qa'adah ertinya 'duduk'. Ini membawa maksud bahawa bulan Zulkaedah ialah bulan untuk berehat-rehat. Sejak dari dahulu lagi, sebelum kedatangan Islam, masyarakat Arab telah mengiktiraf bahawa Zulkaedah adalah satu bulan daripada empat bulan yang mulia dan diharamkan berperang selain pada bulan Zulhijjah, Muharram dan Rejab. Maka masyarakat Arab jahilia tidak keluar berperang pada bulan ini.

Dan setelah kedatangan Islam, Rasulullah s.a.w. mengekalkan kemuliaan empat bulan haram ini, mengekalkan namanya dan mengharamkan peperangan pada bulan-bulan tersebut. Bersempena inilah dinamakan ia dengan 'Zulkaedah'.

Daripada Abu Bakrah, sesungguhnya Rasulullah s.a.w. telah bersabda, maksudnya: Sesungguhnya zaman itu berputar sejak awal waktu Allah

menjadikan langit-langit dan bumi.

Satu tahun mengandungi dua belas bulan ini, darinya empat bulan haram, tiga dari empat bulan ini berturut-turutan iaitu Zulkaedah, Zulhijjah dan Muharram dan satu bulan berasingan ialah Rejab di antara Jamadil Akhir dan Sya'aban.

Walaupun pada bulan ini tiada ibadah yang dikhususkan untuk kita amalkan seperti bulan-bulan Islam yang lain, namun bulan Zulkaedah adalah bulan permulaan musim haji.

Sebahagian besar Ulama' berpendapat bahawa umrah adalah lebih afdhal di bulan Zulkaedah berdasarkan Rasulullah SAW mengerjakan umrah-umrah beliau di bulan Zulkaedah dan haji tamattu' juga dimulakan di bulan Zulkaedah.

Pada bulan yang agung ini juga berlaku beberapa peristiwa menarik yang telah ditempuh oleh tentera Islam.

Menyingkap kembali beberapa peristiwa yang berlaku pada bulan ini semoga ianya menjadi peringatan, pengajaran supaya umat kita mencapai kemajuan, kemuliaan dan ketuanan seperti sebelumnya.



Zulkaedah adalah satu bulan daripada empat bulan yang mulia dan diharamkan berperang selain pada bulan Zulhijjah, Muharram dan Rejab.